

Projek ikonik penting bagi S'pura dan M'sia

Perdana menteri kededua negara turut lancar tiga lagi projek di Johor

Oleh SHAMSUL JANGARODIN
shamj@sph.com.sg

SEBUAH pembangunan mercu tanda baru di Marina Bay, Marina One, telah dilancarkan semalam bagi merencanakan lagi peluang menarik perniagaan ke kawasan kewangan itu.

Melancarkan reka bentuk Marina One bernilai \$7 bilion yang diusahakan bersama Singapura dan Malaysia itu, Perdana Menteri, Encik Lee Hsien Loong, dan rakan sejawatannya dari seberang Tambak, Datuk Seri Najib Tun Razak, sama-sama menyifatkan projek itu sebagai "penting bagi Singapura dan Malaysia".

Bahkan tiga lagi projek yang turut dilancarkan di Johor semalam oleh kededua Perdana Menteri dijangka membawa hubungan akrab kededua negara ke peringkat lebih tinggi.

Satu daripada projek itu bakal melihat sebuah bandar pesisir pantai bernilai \$3.2 bilion dibangunkan di Danga Bay.

Ini setelah Encik Lee dan Datuk Seri Najib menyaksikan acara menandatangani persetujuan antara Capitaland Malaysia Pte Ltd, Iskandar Waterfront Sdn Bhd dan Temasek di Pusat Konsensyen Danga Bay semalam.

Awal sebelum itu, kededua pemimpin dan konvoi masing-masing yang terdiri daripada beberapa Menteri Kabinet telah ke Medini, Wilayah Iskandar, untuk melancarkan dua projek ikonik kesejahteraan, Afinity Medini dan Avira, yang diusahakan bersama kededua negara.

"(Projek-projek) itu adalah bidang kerjasama yang besar antara kita berdua. Secara keseluruhan, Singapura menyifatkan Iskandar Malaysia sebagai sebuah faktor positif dalam hubungan kita. Ia menyediakan peluang bagi Singapura dan Malaysia maju bersama," kata Encik Lee di satu sidang media tengah hari semalam di Hotel Shangri-La sebelum melawat tapak-tapak projek tersebut.

Kedua Perdana Menteri mengadakan lawatan ke tapak-tapak binaan itu sebagai sebahagian rangka Rahat Pemimpin tahunan mereka.



MARINA ONE

PROJEK USAHA SAMA: Encik Lee (kanan) bersama Datuk Seri Najib mengalu-alukan projek pembangunan bersepadu Marina One yang baru dilancarkan semalam dan satu lagi, DUO, yang dilancarkan November tahun lalu, sebagai mercu tanda positif hubungan baik kededua negara.
- Foto-foto M.O. SALLEH

rumahan, komersial dan beli-belah itu.

Dibangunkan M+S Pte Ltd, syarikat yang dimiliki 60 peratus oleh syarikat pelaburan Malaysia, Khazanah Nasional, dan 40 peratus oleh syarikat pelaburan republik ini, Temasek Holdings, Marina One dibangunkan di atas empat tapak yang ditawarkan Singapura kepada jirannya sebagai ganti kepada penyerahan beberapa bidang tanah Kereta Api Tanah Melayu Berhad (KTMB) kepadanya.

Dua lagi tapak yang ditawarkan di Ophir-Rochor juga bakal dibina sebuah pembangunan bersepadu, DUO. Projek bernilai \$4 bilion itu dilancarkan pada November tahun lalu dan juga diusahakan M+S.

Marina One dijangka siap pada 2017 dan akan mempunyai dua menara perumahan 34 tingkat, yang akan dilancarkan pada separuh kedua tahun ini, dan dua menara komersial 30 tingkat. Ia juga akan mempunyai sebuah kawasan beli-belah.

Kedua pemimpin itu kemudian berangkat ke Medini, Iskandar Malaysia, bagi melancarkan Afinity Medini dan Avira.

dan Khazanah – sebuah projek bandar kesejahteraan yang menggabungkan aspek kesejahteraan dengan khidmat beli-belah dan penginapan bagi keluarga dan pelancong serta latihan bagi warga korporat.

Dijangka siap pada hujung 2015, antara tarikan bandar itu termasuk apartmen layanan Somerset Medini Iskandar yang diurus Ascott, dan Pusat Kesejahteraan Bersepadu kendalian Parkway Pantai.

Encik Lee dan Datuk Seri Najib juga sempat merasmikan pembeconan Afinity Medini.

Avira pula dibangunkan Nuri Merdu Sdn Bhd – dimiliki sama rata oleh PIV dan Eastern Oriental Bhd – dan sebuah resort kesejahteraan yang direka atas dasar "melanjutkan usia aktif".

Avira menawarkan beberapa jenis perumahan seperti banglo, teres dan kondominium, serta sebuah pusat kesejahteraan yang menyediakan pengalaman menenangkan.

Bercakap kepada wartawan, Encik Lee berkata pusat kesejahteraan itu dapat menarik bukan sahaja warga Singapura dan Malaysia, bahkan pengunjung dari



PEMBANGUNAN BARU DANGA BAY: Encik Lee (bertali leher merah) dan Datuk Seri Najib (bertali leher biru) masing-masing diberikan taklimat mengenai rancangan syarikat hartanah daripada Singapura dan Malaysia yang sama-sama akan membangunkan sebuah bandar pesisir air di Danga Bay bernilai \$3.2 bilion.



MENINJAU PROJEK BARU: Encik Lee (bertali leher merah) diberikan taklimat mengenai projek pembangunan apartmen layanan yang akan dibina di Afinity Medini. Di sebelah kiri Encik Lee ialah Datuk Seri Najib yang sedang dilayan Pengerusi Pulau Indah Ventures, Tan Sri Datuk Seri Syed Zainal